



19 FEB, 2026

Polis kesan pencuri kabel TNB

Harian Metro, Malaysia



Polis
kesan
pencuri
kabel TNB

Kuala Lumpur: Polis sedang giat mengesan empat lelaki yang terlibat dalam kes kecurian kabel milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdekatan Pangsapuri D’Kayangan Setia Ecohill, Semenyih.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada 6.54 pagi kelmarin.

Beliau berkata siasatan awal mendapati empat suspek lelaki yang tidak dapat dipastikan identiti mereka, menggunakan sebuah kenderaan berwarna kelabu untuk melakukan kegiatan itu.

“Suspek dikesan sedang memotong kabel yang disyaki milik TNB sebelum bertindak melarikan diri selepas ditegur oleh penduduk setempat,” katanya dalam kenyataan.

Naazron berkata kes di-siasat menikut Seksyen 431A Kanun Keseksaan kerana melaku khianat dengan memotong kabel.

Beliau meminta mana-mana pihak mempunyai maklumat kejadian tersebut tampil membantu siasatan dengan menghubungi balai polis berhampiran.